

Tangkak: Kerajaan hanya akan membuat keputusan sama ada mencatu bekalan air atau tidak selepas mendapat maklumat terperinci paras air di semua empangan di negara ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, walaupun negara kini dilanda cuaca panas melampau, pihaknya hanya akan membuat keputusan selepas mesyuarat khas berkaitan paras air di semua empangan, Rabu ini.

Katanya, keputusan hanya akan dibuat selepas meneliti segala fakta dan paras air di empangan seluruh negara.

Pada masa sama, katanya, cuaca panas melampau kini bertambah buruk apabila Johor Bahru kini mencatat 36.5 darjah Celsius selepas Alor Setar, Kedah (38.5 Celsius) dan Chuping, Perlis (38.2 celsius).

Wan Junaidi berkata, berikutan itu pihaknya akan menubuhkan jawatankuasa khas membabitkan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar dan agensi lain bagi membincangkan dasar menangani masalah cuaca panas melampau.

"Hasil mesyuarat khas Rabu ini akan dibentangkan kepada jemaah menteri pada Jumaat. Ia penting bagi memastikan langkah yang perlu diambil seperti mengurangkan aktiviti luar

Mesyuarat khas bincang isu air



WAN Junaidi memandu jengkaut pada majlis pecah Tanah Projek RTB Muar pintasan Belemang di Kampung Belemang, Ledang.

atau menutup sekolah sekiranya keadaan terlalu panas, sama seperti kita berdepan jerebu.

"Jika diambil kira sejarah cuaca panas negara, sebelum ini suhu paling panas adalah pada 1997 namun tahun ini lebih teruk dan tempohnya dijangka lebih panjang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar Fasa II di Kampung Belemang, Sungai Mati, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Hamim Samuri yang juga Ahli Parlimen Tangkak dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Ayub Rahmat.

Dalam ucapannya, Wan Junaidi mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM14 juta bagi menangani kemungkinan masalah sempingan di kawasan projek RTB berkenaan.

Menurutnya, jumlah itu adalah tambahan kepada kos keseluruhan projek berjumlah hampir RM262 juta.

"Projek itu diharapkan dapat mengatasi masalah banjir yang melanda daerah ini serta menyelamatkan harta benda dan masa masyarakat yang sering menjadi mangsa banjir.

"Bagaimanapun, kami faham kemungkinan masalah lain timbul dan sebab itulah kami menambah peruntukan bagi menyelesaikannya," katanya.